

28 FEB 1999  
Sabah-menteri  
DUA MENTERI SABAH DIGUGUR

KOTA KINABALU, 28 Feb (Bernama) -- Dua menteri kerajaan negeri Sabah digugur dan 11 muka baru dinamakan sebagai calon Barisan Nasional untuk pilihan raya negeri pada 12 dan 13 Mac ini.

Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Dayang Mahani Tun Ahmad Raffae serta Menteri Pertanian dan Perikanan Datuk Pandikar Amin Haji Mulia sendiri meminta digugurkan, kata Ketua Menteri Tan Sri Bernard Dompok pada satu persidangan berita di sini hari ini.

Pandikar Amin, presiden AKAR, sebelum ini mewakili kawasan Tempasuk manakala Dayang Mahani, naib Ketua Wanita Umno Sabah, memenangi kerusi Lumadan pada pilihan raya 1994.

Dompok yang juga Pengerusi BN Sabah berkata barisan muka baru itu yang termasuk presiden LDP Senator Datuk Chong Kah Kiat bertujuan mengemukakan bakat dan ide baru ke arah mengukuhkan kedudukan BN.

Dalam senarai itu, Umno mendapat 24 kerusi, Parti Demokratik Sabah (PDS) 12, Parti Maju Sabah (SAPP) 5, LDP 2, AKAR 2, Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS) 2 dan MCA satu.

Dompok akan mempertahankan kerusi Moyog yang diwakilinya sejak 1986, katanya semua calon BN itu dipilih sendiri oleh parti-parti komponen dengan mengambil kira faktor keseimbangan dan bakat.

Ketika ditanya sama ada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku pengerusi BN mempengaruhi pemilihan calon, Dompok berkata "tidak".

Dua wanita ialah antara muka baru itu -- Datuk Christine Van Houten dari PDS yang akan bertanding di Inanam dan Surinam Haji Sadikum dari Umno di Lumadan menggantikan Dayang Mahani.

Pandikar Amin yang turut hadir pada persidangan berita itu berkata keputusan beliau tidak bertanding ialah untuk kepentingan BN.

"Kini, saya akan mempunyai lebih banyak masa untuk berkempen khususnya untuk menjamin kemenangan dua kerusi yang diperuntukkan kepada AKAR," katanya.

Ketika ditanya sama ada beliau akan mengisi jawatan di peringkat pusat, Pandikar Amin berkata tidak ada tawaran berhubung perkara itu.

Setiausaha agung BN Datuk Mohamed Rahmat kemudian menyerahkan surat daripada pengerusi BN membenarkan BN Sabah menggunakan simbolnya dalam pilihan raya itu.

Selain Chong dari LDP dan dua calon wanita -- Christine Van Houten (PDS) dan Surinam Sadikum (UMNO) -- muka baru dari UMNO ialah Musbah Jamlee (Tempasuk), Jasa Raudah (Kunak), Samsu Baharum Abdul Rahman (Lahad Datu), Mohd Lan Allani (Sulabayan) dan Dr Patawari Patawe (Merotai).

Muka baru yang lain ialah Petrus Guriting (PDS-Tambunan), Wong Lien Tat (LDP-Karamunting) dan Ellron Alfred Angin (PBRS-Pensiangan).

Berikut ialah senarai calon BN:

- 
- |               |    |                                      |
|---------------|----|--------------------------------------|
| 1. Banggi     | -- | Datuk Amir Kahar Tun Mustapha (Umno) |
| 2. Kudat      | -- | Datuk Chong Kah Kiat (LDP)           |
| 3. Bengkoka   | -- | Masrani Parman (Umno)                |
| 4. Matunggong | -- | Datuk Markus Majihi (Akar)           |
| 5. Tandek     | -- | Datuk Saibul Supu (PDS)              |
| 6. Tempasuk   | -- | Musbah Jamlee (Umno)                 |
| 7. Kadamaian  | -- | Datuk Baggai Basirun (PDS)           |
| 8. Usukan     | -- | Datuk Salleh Tun Said (Umno)         |

9. Tamparuli	--	Datuk Wilfred Bumburing (PDS)
10. Sulaman	--	Datuk Hajiji Mohd Noor (Umno)
11. Kiulu	--	Datuk Gisin Lombut (PDS)
12. Inanam	--	Datuk Christine Tibok Van Houten (PDS)
13. Likas	--	Datuk Yong Teck Lee (SAPP)
14. Api-Api	--	Datuk Chau Tet On (MCA)
15. Sembulan	--	Datuk Chau Chin Tang (SAPP)
16. Moyog	--	Tan Sri Bernard Dompok (PDS)
17. Petagas	--	Datuk Yahya Hussin (Umno)
18. Kawang	--	Datuk Osu Sukam (Umno)
19. Pantai Manis	--	Datuk Abdul Rahim Ismail (Umno)
20. Bongawan	--	Datuk Karim Bujang (Umno)
21. Kuala Penyu	--	Datuk Wences Anggang (PDS)
22. Klias	--	Datuk Lajim Ukin (Umno)
23. Lumadan	--	Surinam Sadikum (Umno)
24. Sindumin	--	Datuk Sapawi Ahmad (Umno)
25. Kundasang	--	Datuk Ewon Ebin (PDS)
26. Ranau	--	Datuk Siringan Gubat (PDS)
27. Tambunan	--	Petrus Guriting (PDS)
28. Bingkor	--	Datuk Joseph Kurup (PBRs)
29. Pensiangan	--	Ellron Alfred Angin (PBRs)
30. Melalap	--	Datuk Kadoh Agundong (Akar)
31. Kemabong	--	Datuk Rubin Balang (Umno)
32. Sugut	--	Datuk Surady Kayong (Umno)
33. Labuk	--	Datuk Tan Yong Gee (PDS)
34. Sungai Sibuga	--	Datuk Musa Aman (Umno)
35. Sekong	--	Datuk Nahalan Damsal (Umno)
36. Elopura	--	Datuk Tham Nyip Shen (SAPP)
37. Tanjung Papat	--	Datuk Raymond Tan Shu Kiah (SAPP)
38. Karamunting	--	Wong Lien Tat (LDP)
39. Sukau	--	Datuk Aklee Abbas (Umno)
40. Kuamut	--	Datuk Joseph Sitin Saang (PDS)
41. Kunak	--	Jasa Raudah (Umno)
42. Lahad Datu	--	Samsu Baharum Abdul Rahman (Umno)
43. Sulabayan	--	Mohd Lan Allani (Umno)
44. Senallang	--	Datuk Nasir Tun Sakaran (Umno)
45. Balung	--	Datuk Abdul Mannan Jakasa (Umno)
46. Merotai	--	Dr Patawari Patawe (Umno)
47. Kalabakan	--	Datuk Abdul Ghapur Salleh (Umno)
48. Sri Tanjung	--	Datuk Michael Lim Yun Sang (SAPP)

Pengagihan kerusi di kalangan parti komponen BN seperti berikut:

Umno	--	24
PDS	--	12
SAPP	--	5
LDP	--	2
Akar	--	2
PBRs	--	2
MCA	--	1

-- BERNAMA

AU FAZ